



## MM VITAOILS Berstatus Halal - Datuk Haron Siraj

MM Vita oils merupakan produk pemakanan minyak masak keluaran syarikat MM Vita oils Sdn. Bhd terletak di Seksyen 23 Shah Alam Selangor. Menjalankan operasi sejak Mei 1999 yang memfokuskan kepada Industri berasaskan minyak kelapa sawit MM VITAOILS dengan kapasiti menghasilkan 12,000 tan metrik produk-produk minyak kelapa sawit dalam sebulan. Produk hiringan yang di pasaran adalah seperti minyak masak, marjerin, lemak 'shoetening' dan minyak sapi sayuran MM Vita oils.

Oleh: NurShuhadah



**M**ENURUT Y.B Datuk Haron Siraj, Pengerusi MM VITAOILS Sdn. Bhd. mengatakan MM VITAOILS SND BHD, selain memfokuskan pasaran di dalam negara produk MM VITAOILS juga telah menembusi pasaran antarabangsa dengan pemasaran produk-produk di 64 buah Negara. Jelasnya, anggaran jualan kasar yang diperolehi tahun lalu sebanyak RM87 million. Catatan yang dibuat di mana Benua Eropah sahaja merupakan pasaran terbesar MM VITAOILS iaitu sebanyak 30 % disamping Benua Asia dan Afrika masing-masing sebanyak 25% secara keseluruhannya.

Kejayaan hasil dari kerjasama semua pihak terutamanya agensi kerajaan seperti



Y.B Senator Dato' Dr. Masitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri terpanggil merasmikan produk MM Vita oils di Menara KLCC baru-baru ini.



MPOB, MPOC, SMIDEC, MPC dan FMM. Membolehkan MM VITAOILS menjadi sebuah syarikat pengeluaran produk-produk hiliran berasaskan minyak kelapa sawit utama negara. Era baru industri minyak kelapa sawit Negara, kini semakin berkembang dengan masyarakat antarabangsa mengenali produk negara Malaysia yang berstatuskan halal. Ini menjadi kebanggaan negara khususnya dan

masyarakat Islam dunia amnya.

Jelas beliau, produk keluaran MM VITAOILS berkualiti tinggi dan dijamin mutu dan kualitinya yang tidak mengandungi asid lemak trans (TRANS FATTY ACID) kebaikkan minyak kelapa sawit ini, kaya dengan karoteniod pro-vitamin A, antioksidan dan juga vitamin E. Antioksidan semulajadi ini bertindak sebagai pemangkin dalam pemusnah radikal

bebas dan dapat membantu mencegah daripada kanser dan melambatkan proses penuaan. Tambahan pula MM VITAOILS telah diakreditasi persijilan ISO9001:2000, HACCP dan GMP oleh SGS(Malaysia) SND. BHD sejak tahun 2005 lagi. Terangnya dalam majlis bersama media baru-baru ini.

"Kami menjangkakan pendapatan sebanyak RM120 Juta pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 48.33% berbanding dengan pendapatan sebanyak RM 87 Juta pada tahun lepas. Ini menunjukkan minyak masak MM Vita oils akan menjadi minyak masak pilihan utama masyarakat di dalam mahupun di luar negara". Terang beliau mengenai peningkatan perniagaan ini yang cukup berdaya saing.

Kejayaan MM Vita oils merupakan salah satu kemajuan yang dicapai dalam usaha meningkatkan pengeluaran negara ke arah peningkatan pertumbuhan infrastruktur ekonomi negara. **B**